

22 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (Cina)

PERSATUAN-PERSATUAN CINA MAHU MAHATHIR TERUS PIMPIN NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Persekutuan Persatuan-persatuan Cina Malaysia hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus memimpin negara.

Presiden persekutuan itu Tan Sri Chong Chin Shong berkata, kepimpinan Dr Mahathir masih diperlukan dan beliau berharap Perdana Menteri tidak akan membuat keputusan untuk meletakkan jawatan pada masa ini.

"Ekonomi negara kita baru meningkat naik, jadi kita minta beliau terus memimpin negara ini, lagipun orangnya masih gagah lagi," katanya ketika dihubungi Bernama malam ini.

Beliau diminta mengulas pengumuman Dr Mahathir untuk meletak jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) ketika berucap di akhir perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini.

Dr Mahathir bagaimanapun bersetuju menarik balik keputusannya itu setelah para anggota Majlis Tertinggi Umno dan para perwakilan merayu supaya beliau mengubah fikiran.

"Kita berasa lega apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan penarikan balik perletakan jawatan oleh Perdana Menteri," kata Chong.

Beliau berkata, kepimpinan Dr Mahathir bukan sahaja diperlukan di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa juga.

"Perdana Menteri bukan saja diperlukan untuk memimpin orang Melayu, malahan semua bangsa lain di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

SHI AFY PR